

22/09/1999

PM bersedia adakan pilihan raya

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Fazli Arman

KANGAR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersedia mengadakan pilihan raya pada bila-bila masa kerana Barisan Nasional (BN) kini menerima sokongan baik daripada majoriti rakyat.

Perdana Menteri berkata, hasil siri lawatannya ke seluruh negara menunjukkan pada umumnya sambutan terhadap BN amat baik dengan jumlah kehadiran yang ramai pada setiap perhimpunan.

Katanya, mereka juga sekarang lebih bijak menghargai kerajaan dan mesra, selain menyedari pelbagai isu yang dibangkitkan pembangkang serta tidak taksub terhadap personaliti individu.

"Malah, sambutan di Perlis luar biasa sikit, nampak macam satu pertiga penduduknya ada di stadium semalam. Dia orang menyokong kerajaan BN dengan memekik 'Hidup Barisan'. Nampak keadaan yang begitu baik kalau nak adakan pilihan raya.

"Tapi saya tidak perlu tergesa-gesa kerana kita ada lima tahun dan kena gunalah lima tahun itu. Apa nak gopoh sangat sebab buat benda gopoh gapah ni tak baik," katanya pada sidang media sebelum bertolak ke Kuala Lumpur selepas mengakhiri lawatan kerja dua hari ke negeri ini, di Bukit Air Resort, dekat sini hari ini.

Malam tadi, Dr Mahathir berucap di hadapan lebih 25,000 penduduk Perlis di Stadium Utama Negeri pada Perhimpunan Bersama Rakyat, iaitu yang terakhir dalam lawatannya ke seluruh negara.

Ditanya adakah BN perlu mengadakan majlis penerangan seumpama itu sekali lagi sebelum pilihan raya, Dr Mahathir berkata ia perlu dilakukan kerana sikap manusia yang mudah berubah.

"Kita perlu membuat pusingan kedua tapi tidak intensif seperti kali ini. Sebenarnya dalam pilihan raya lalu, saya tunggu sampai saat akhir baru berjalan jadi tak boleh buat lawatan seluruh negara.

"Jadi kali ini, saya buat lebih awal kerana parti lawan dah buat kempen dari dua tahun dulu. Dia dah pergi seluruh negara, saya baru kali ini," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, jika rakyat memilih pembangkang pada pilihan raya kali ini, mereka seolah-olah mengundi untuk menyerahkan negara kepada pihak asing.

Ia berikutan janji parti pembangkang menghapuskan kawalan mata wang dan beberapa tindakan kerjajaan menangani kegawatan ekonomi yang jelas menunjukkan mereka tunduk kepada Tabung Matawang Antarabangsa (IMF).

"Mereka setuju bila jadi kerajaan akan gugurkan kawalan mata wang yang bermakna mereka rela serah negara kepada IMF. Kita tidak hairan kerana ketika Anwar (Datuk Seri Anwar Ibrahim) berada dalam kerajaan pun dia ikut secara buta tuli kehendak IMF walaupun tidak tahu langsung pasal kewangan," katanya.

Ditanya sama ada penangkapan penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim yang disyaki mendalangi perhimpunan haram di Kuala Lumpur, Ahad lalu, akan dijadikan isu oleh pembangkang, Dr Mahathir berkata undang-undang negara mesti dilaksanakan.

"Kalau kita takut ada isu, kita tak laksanakan undang-undang dan akan menyebabkan orang tidak menghormati undang-undang serta mereka akan lakukan sesuka hati kerana tak ada sesuatu yang akan berlaku kepada mereka.

"Kita tak kira wartawan asing ke, perusuh tempatan ke, mereka semua tertakluk kepada undang-undang. Undang-undang kita tidak membezakan

sesiapa. Jika anda merusuh dan mencederakan orang awam dan polis, anda akan ditangkap," katanya.

(END)